



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (107)

SIARAN MEDIA

MAHA 2026: KERJASAMA STRATEGIK RM56 JUTA PERKUKUH TEKNOLOGI GENETIK AKUAKULTUR MALAYSIA

SERDANG, 30 Ogos 2026 – Dua kerjasama strategik bernilai kira-kira RM56 juta melibatkan YHL Aquatic Sdn. Bhd. dengan rakan strategik antarabangsa dari India dan Colombia dimeterai sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026, membuka peluang kepada pengembangan teknologi genetik dan pembiakbakaan akuakultur Malaysia ke pasaran antarabangsa.

Kerjasama tersebut melibatkan Memorandum Persefahaman (MoU) antara YHL Aquatic Sdn. Bhd. dan Ananda Group, India bernilai kira-kira RM16 juta, serta *Letter of Intent* (LOI) antara YHL Aquatic Sdn. Bhd. dan Benchmark Genetics, Colombia dengan anggaran pelaburan sebanyak RM40 juta.

Majlis pertukaran kedua-dua dokumen kerjasama itu disaksikan oleh YBhg. Dato' Seri Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan YBhg. Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan.

MoU bersama Ananda Group memberi tumpuan kepada pemindahan teknologi dan kepakaran dalam pembiakbakaan termaju serta pembangunan induk udang harimau (*Penaeus monodon*), termasuk pembangunan *Nucleus Breeding Centre* (NBC) di Andhra Pradesh, India. Kerjasama itu turut merangkumi pembangunan salasilah induk (*family line*), program pembiakbakaan terpilih serta pembekalan teknologi dan kepakaran Malaysia bagi pembangunan hatcheri di India.

Sementara itu, LOI bersama Benchmark Genetics memberi tumpuan kepada pembangunan program pembiakbakaan bagi udang putih (*Litopenaeus vannamei*) dan bawal emas (*Trachinotus blochii*), termasuk perkongsian dan pemindahan teknologi bagi pembangunan program pembiakbakaan serantau, pengembangan penggunaan genetik akuakultur yang ditambah baik di Malaysia dan rantau Asia serta pembangunan kemudahan *Nucleus Breeding Centre*, Broodstock Multiplication Centre dan hatcheri di Malaysia.

Kerjasama tersebut turut merangkumi pembangunan teknologi, pengkomersialan dan pengembangan perniagaan, selain pembentukan usaha sama strategik dalam bidang teknologi genetik dan pembiakbakaan akuakultur.

Kerjasama ini memberi nilai tambah kepada pembangunan industri akuakultur negara melalui penguasaan teknologi pembiakbakaan termaju yang dapat menyokong peningkatan kualiti induk, produktiviti dan daya tahan spesies ternakan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Pada masa sama, penglibatan syarikat tempatan dalam kerjasama bersama rakan strategik antarabangsa menunjukkan keupayaan industri akuakultur Malaysia untuk membawa kepakaran dan teknologi tempatan ke pasaran luar negara, di samping memperluas jaringan kerjasama serta peluang pengkomersialan di peringkat serantau dan global.

MAHA 2026 turut menjadi platform yang menghimpunkan pemain industri dan rakan strategik antarabangsa bagi meneroka peluang pelaburan, perkongsian teknologi dan pengembangan pasaran, termasuk dalam sektor akuakultur yang semakin dipacu oleh teknologi genetik dan pembiakbakaan.

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/12dQA6nG51nOeWVqlsZwplKf9rwHCIVge>

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my